



PEKERJA restoran dalam gambar ini menampal logo halal yang diragukan. – Gambar hiasan

Pengusaha yang ingkar akta boleh didenda RM10 juta

Pegawai Jakim kini

boleh mendakwa

Kosmo 3/2/12 MS 8.

>> Logo Halal Jakim

Pemohon yang layak memohon Sijil Pengesahan Halal

- Pengeluar/pengilang produk
- Pengedar/penjual
- Pengeluar sub kontrak
- Pembungkusan semula
- Premis makanan
- Rumah sembelih

Logo Halal

Bermaksud logo yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)/Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri.



Logo Halal Malaysia berbentuk:

- A. Bintang berbucu lapan di tengah bulatan
- B. Perkataan Halal dalam tulisan jawi di tengah-tengah bintang
- C. Diikuti tulisan Halal dalam rumi
- D. Bulatan logo tertulis perkataan Malaysia dalam tulisan rumi dan jawi
- E. Dua bintang kecil berbucu lima diletak bagi memisahkan tulisan Halal dalam rumi dan jawi

**KEPERLUAN UMUM
BAGI PENSIJILAN
HALAL**

MELALUI penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011 dan Persijilan Halal, hanya logo halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) boleh digunakan dan diiktiraf.

Ia dikenali sebagai logo Halal Malaysia dan mana-mana sijil halal yang dikeluarkan oleh pihak swasta terbatal secara automatik ekoran penguatkuasaan undang-undang itu.

Pindaan akta itu juga memperluaskan bidang kuasa pegawai Jakim termasuk untuk mendakwa individu atau syarikat yang melanggar akta berkenaan termasuk penyalahgunaan sijil halal.

Sebelum pindaan tersebut, kuasa pegawai Jakim hanya terhad kepada menyerbu dan melakukan siasatan manakala kuasa pendakwaan terletak pada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan (KPDNKK).

Terdapat dua peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 yang boleh dikenakan terhadap individu dan pengusaha iaitu kesalahan bagi perlakuan memperdaya atau mengelirukan dan perakuan serta penandaan halal.

Kesalahan bagi perlakuan



ANTARA contoh logo halal swasta yang menimbulkan keraguan kepada umat Islam. – Gambar hiasan

memperdaya atau mengelirukan membawa maksud mana-mana orang tidak dibenarkan menggunakan apa-apa logo dan ungkapan halal yang boleh mengelirukan pengguna. Ia meliputi penggunaan ayat suci al-Quran atau apa-apa objek yang berhubung dengan agama Islam sama ada di premis makanan itu dijual atau bekas makanan itu dibekalkan.

Mereka yang ingkar boleh dikenakan denda maksimum sehingga RM10 juta untuk pe-

ngusaha manakala individu pula boleh didenda maksimum RM5 juta dan penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi perakuan dan penandaan halal, hanya sijil Halal Malaysia yang dikeluarkan oleh Jakim atau Majlis Agama Islam Negeri yang boleh digunakan dan dipamerkan oleh peniaga dan pengusaha.

Undang-undang itu memperuntukkan denda sehingga RM250,000 bagi organisasi

dan RM100,000 bagi individu atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Selepas penguatkuasaan undang-undang itu, Bahagian Hab Halal Jakim akan menjalankan operasi pemantauan dengan memberi keutamaan kepada premis makanan dan restoran.

Untuk fasa pertama selama tiga bulan bermula Januari hingga Mac tahun ini, pendekatan kesedaran dan pendidikan akan diberikan kepada para pengusaha mengenai keperluan memperoleh persijilan Halal Malaysia daripada Jakim.

Melalui operasi yang dijalankan di pusat beli-belah sekitar Putrajaya, Cyberjaya dan sekitar Lembah Klang, beberapa pengusaha premis diarah menanggalkan logo halal yang tidak diiktiraf dan dinasihat supaya memohon perakuan halal yang baharu.

Memasuki fasa kedua bermula Julai tahun ini, Jakim tidak akan bertolak-ansur dengan mana-mana pengusaha yang masih berdegil.

Mereka kelak akan berdepan dengan dakwaan dan hukuman seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

● Setiap pengeluar produk/premis makanan/rumah sembelih hendaklah mengeluarkan produk halal sahaja.

● Setiap syarikat yang memohon Sijil Pengesahan Halal hendaklah memastikan sumber bahan ramuan adalah halal dan memilih pembekal atau sub-kontraktor yang membekalkan bahan-bahan halal atau mempunyai Sijil Pengesahan Halal.

● Setiap syarikat hendaklah memastikan prosedur halal dipatuhi dalam segala aspek seperti yang digariskan dalam manual prosedur halal.

● Syarikat yang disenaraikan dalam kategori Multinasional dan Industri Kecil dan Sederhana adalah wajib mewujudkan Jawatankuasa Audit Halal Dalam dan melantik seorang Eksekutif Hal Ehwah Islam (Pengajian Islam) bagi mengendali dan memastikan pematuan prosedur pensijilan halal.

● Disyaratkan mempunyai minimum dua orang pekerja Muslim yang tetap dan warganegara Malaysia di bahagian dapur/pengendalian/pemprosesan makanan.

Nombor Telefon: 03-8886 4000

Nombor Faks: 03-8889 2039

E-mel: webmaster@islam.gov.my
projakim@islam.gov.my

Laman web: www.islam.gov.my